

## TAHAP KEAGAMAAN *RELIGIOSITY MASYARAKAT ISLAM* DI NEGERI KEDAH

### ***THE LEVELS RELIGIOSITY OF ISLAMIC SOCIETY IN STATE KEDAH***

**Kamarudin Ahmad<sup>1</sup>, Rohani Hj Ab Ghani<sup>1</sup>, Zulhilmi Paidi<sup>1</sup>, Nor Hanani Ismail<sup>1</sup> and Azman Md Zain<sup>1</sup>**

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah

E-mail: [kama@uum.edu.my](mailto:kama@uum.edu.my)

#### **Article history**

**Received date** : 3-12-2019

**Revised date** : 12-1-2020

**Accepted date** : 28-1-2020

**Published date** : 14-3-2020

#### **To cite this document:**

Ahmad, K., Ab Ghani, R., Paidi, Z., Ismail, N., and Md Zain1, A., (2020). Tahap Keagamaan Religiosity Masyarakat Islam Di Negeri Kedah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 5(28), 1 - 7.

**Abstrak:** *Kajian ini menilai tahap keagamaan masyarakat Islam yang berhubung secara langsung dengan praktikaliti keagamaan. Reka bentuk kajian berbentuk kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan dalam kalangan sampel rawak mudah sebanyak 150 orang responden daripada masyarakat Islam di negeri Kedah. Hasil kajian menunjukkan menunjukkan tahap keagamaan masyarakat Islam di negeri Kedah majoritinya menyatakan tahap tinggi. Ini bermaksud masyarakat Islam di Kedah menghayati, mengamal dan melaksanakan agama secara menyeluruh dalam semua aspek kehidupan dengan segala dimensinya iaitu akidah, akhlak dan syariah. Dapatan-dapatan ini memberi gambaran bahawa tahap religiosity atau keagamaan masyarakat Islam di Negeri Kedah adalah tinggi dan masyarakat tidak lagi mengamalkan amalan-amalan yang bertentangan dengan prinsip-prinsip Islam.*

**Kata Kunci:** *Religiosity, Tahap Amalan, Masyarakat Islam*

**Abstract:** *This study evaluates the religious level of the Muslim community. A quantitative study using survey method among simple random sample of 150 respondents from Muslim community in Kedah. The results show that the religious level of Muslims in the state of Kedah is predominantly stated. This means that the Muslim community in Kedah embraces, practices and practices religion in all aspects of life with all its dimensions of faith, morality and sharia. These findings suggest that the religious level of the Muslim community in Kedah is high and that the people no longer practice practices contrary to Islamic principles.*

**Keywords:** *Religiosity, Practice Level, Islamic Society*

## Pengenalan

Penghayatan *religiosity* ialah satu konsep yang menarik dan diwacanakan dalam dunia akademik sejak sekian lama. Nama-nama seperti Syed Muhammad Naguib al Attas, Wan Salim Wan Muhamad Nor, Mahmood Zuhdi, Chandra Muzaffar, Zakaria Stapa, Muhammad Nur Manutu, Siddiq Fadzil dan Mohamad Abu Bakar merupakan antara tokoh yang membincangkan penghayatan ini dari perspektif masing-masing di Malaysia (Zainab, Wan Ibrahim & Nor Salimah, 2010).

Pengukuran *religiosity* seringkali dikaitkan dengan aspek aqidah, syariah dan akhlak. Dengan kata lain, tahap keagamaan berhubung secara langsung dengan praktikaliti keagamaan dalam kalangan masyarakat Islam yang dianuti oleh orang Melayu di Kepulauan Melayu termasuk Malaysia dan Indonesia berpaksikan tiga elemen tadi. Ia telah sebatи dalam kehidupan beragama masyarakat. Pengamalan ajaran Islam diterapkan dalam kehidupan samada dari sudut amalan ibadat, muamalat dan amalan harian.

Justeru itu, artikel ini akan membincangkan *tahap religiosity* dalam kalangan masyarakat di negeri Kedah berasaskan elemen-elemen akidah, syariah dan akhlak yang menjadi asas kepada amalan masyarakat kini. Pentingnya artikel ini dibincangkan bagi memberi pemahaman baru mengenai tahap *religiosity* masyarakat dalam kerangka beragama (Islam) di zaman pasca modenisme ini serta dapat membantu masyarakat Islam memahami pengertian sebenar penghayatan agama.

## Konsep Religiosity

Berdasarkan penelitian, istilah dan konsep religiosity pada asasnya bermula daripada domain psikologi dan sosiologi. Sejak itu, *religiosity* dilihat dalam konteks yang bersifat saintifik. Golongan psychologist dan sociologist meneliti sejauh mana *religiosity* memberi kesan dari sudut psikologi dan sosiologi masyarakat. Oleh itu, pada peringkat primary, istilah dan konsep *religiosity* diambil daripada petunjuk agama Kristian dan kajian berkaitan religiosity dilakukan ke atas masyarakat yang beragama Kristian. Bermula dari abad ke 20, antara yang mempelopori konsep religiosity ialah William James dan G. Stanley Hall (Taylor, 1978). Golongan ini meneliti konsep religiosity sebagai satu konsep yang bersifat saintifik dan boleh diukur serta mampu memberi nilai kepada penyelidik sains sosiologi.

Konsep religiosity juga dibincangkan oleh sarjana Muslim dengan melihat konsep tersebut dalam demensi worldview atau tasawur Islam. Antaranya Shamsuddin (1992) yang membina model bagi Islamic religiosity berasaskan konsep taqwa. Antara elemen-elemen yang dibincangkan ialah ilmu, iman, amal, natijah dan ihsan. Dalam pada itu Shamsuddin (1992) juga menekankan konsep tawhidik, namun begitu beliau mempamerkan terdapat kekadangan pada instrument bagi mengukur konsep tawhidik. Selain itu, Azma Mahmood (2006) merujuk religiosity sebagai tatacara kehidupan yang merangkumi keseluruhan ajaran Islam sebagai al-Din. Religiosity juga bergantung sejauh mana ajaran tersebut dihayati dalam kehidupan bergantung kepada tahap keimanan yang dibahagikan kepada tiga iaitu tahap Islam, iman dan ihsan. Seterusnya beliau membuat perkaitan antara iman, agama dan akhlak bagi menggambarkan konsep religiosity. Mohd Kamal Hassan dan Hashim Yahya pula menyatakan asas pengukuran bagi religiosity ialah manifestasi Islam, iman dan ihsan.

## Ulasan Karya

Menurut Zakaria Stapa (2002) religiosity mengikut perspektif Islam adalah merujuk kepada akidah, syariah dan akhlak dan ianya dilihat sebagai satu cara hidup. Antara kajian lain yang menerima tiga elemen itu sebagai konsep religiosity ialah Badlisham Mohd Nasir dan Mohd Hisham Ramli (2003), Jamiah Manap (2004), Jas Laile Suzana Jaafar (2005), Jamiah Hj Manap et. al. (2006), azma (2006), Nor Salimah Abu Mansor & Zainab Ismail (2006), Fatin Hazwani Siran (2007), Ahmed & Khalek (2007).

Akidah merupakan cabang ilmu dalam Islam yang sangat penting kerana menyentuh hal-hal keimanan dan kepercayaan kepada Allah swt. Namun dalam kalangan masyarakat Islam, perkara-perkara yang bertentangan dengan agama, yang karut-marut serta diwarisi daripada nenek moyang terdahulu masih lagi mendapat tempat di hati mereka. Amalan-amalan yang bertentangan dalam agama ini boleh diertikan sebagai amalan khurafat di mana Syeikh Idris al-Marbawi telah mencirikannya sebagai cerita yang karut marut. Manakala Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) pula telah menyimpulkan amalan tersebut merangkumi semua cerita sama ada rekaan atau khayalan, ajaran, pantang larang, adat istiadat, ramalan, pemujaan atau kepercayaan yang menyimpang daripada ajaran Islam.

Justeru, agama Islam melarang keras sebarang amalan khurafat sama ada melalui perkataan, perbuatan, adat mahu pun kepercayaan yang tidak selari dengan konsep akidah Islam. Antara ciri amalan dan kepercayaan khurafat, ia tidak bersumberkan nas syarak sama ada daripada al-Quran mahu pun hadis; cerita rekaan, dongeng, khayalan atau kepercayaan karut; didasarkan kepada kepercayaan lama dan adat yang bercanggah dengan Islam; berbentuk pemujaan dan permohonan kepada makhluk halus untuk tujuan memudaratkan dan menyeleweng daripada akidah Islam; mengguna objek tertentu seperti kubur, pokok dan sebagainya untuk tujuan tertentu dan ada unsur negatif pada akidah dan syariat Islam.

Demikianlah antara ciri amalan dan kepercayaan khurafat jika dihalusi secara mendalam, memang banyak berlaku dalam masyarakat Islam masa kini. Bahkan, ia masih lagi menebal dalam tradisi dan kepercayaan umat Islam dalam kehidupan seharian. Antara contoh amalan dan kepercayaan tersebut adalah percaya kepada keramat seperti kubur, pokok kayu atau batu hikmat yang kononnya boleh menyembuhkan sebarang penyakit, memuja objek tertentu, roh nenek moyang, kubur wali keramat dan sebagainya. Begitu juga kepercayaan kepada sial seperti adat mandi Safar, adat mandi membuang sial, bunyi burung hantu pada waktu malam dan nombor sial seperti nombor empat. Masih ada orang Islam yang tergamak memohon bantuan dari jin seperti adat memuja kampung, adat merenjis tepung tawar, adat main pantai dan seumpamanya.

Justeru, Islam sebagai agama yang menitik-beratkan aspek akidah dan syariah menjelaskan bahawa segala amalan, adat, kepercayaan, perkataan dan perbuatan yang tidak bersandarkan al-Quran, hadis, ijmak ulama dan Qias dilarang sama sekali. Dalam sebuah hadis, Rasulullah saw bersabda yang bermaksud:

*Sesiapa yang mengada-adakan sesuatu perkara dalam agama kami, yang tidak termasuk dalam ajaran Islam yang suci, maka apa yang diamalkan itu tertolak (tidak diterima amalan berkenaan oleh Allah dan tidak diberikan pahala). (Hadis riwayat Bukhari dan Muslim)*

## Metod

Reka bentuk kajian ini adalah berbentuk kuatitatif yang menggunakan kaedah tinjauan berbentuk soal selidik. Sampel kajian adalah seramai 150 orang responden yang terdiri daripada masyarakat di negeri Kedah. Cara pemilihan responden dibuat dengan menggunakan kaedah pensampelan rawak di mana sampel dipilih itu juga diyakini mempunyai ciri-ciri kewakilan (*representativeness*) yang terdapat pada populasi tersebut. Instrumen dalam kajian ini telah diadapatsikan daripada kajian-kajian lepas mengikut kesesuaian kajian. Pemprosesan data dilakukan dengan menggunakan perisian SPSS 22.0 bagi mencari jawapan kekerapan dan peratusan yang bertujuan untuk memaklumkan gambaran sebenar hasil dapatkan kajian.

## Hasil Kajian Dan Perbincangan



Graf Bar 1 berkaitan tahap keagamaan masyarakat Islam di negeri Kedah menunjukkan majoritinya iaitu sebanyak 62 peratus (93) menyatakan tahap tinggi. Ini bermaksud masyarakat Islam di Kedah menghayati, mengamal dan melaksanakan agama secara menyeluruh dalam semua aspek kehidupan dengan segala dimensinya iaitu akidah, akhlak dan syariah. Selebihnya sebanyak 38 peratus (57) responden menyatakan tahap yang sederhana.

Dari aspek dimensi dalam tahap keagamaan seperti dimensi akidah juga menunjukkan tahap yang tinggi di mana sebanyak 53 peratus (80) responden menyatakan sedemikian. Manakala selebihnya iaitu sebanyak 46 peratus (69) responden menyatakan tahap sederhana dan 0.7 peratus (1) responden menyatakan tahap yang rendah.

Tahap keagamaan seperti dimensi syariat, juga menunjukkan tahap yang tinggi di mana sebanyak 55 peratus (82) responden menyatakan sedemikian. Selebihnya 45 peratus (68) responden menyatakan tahap yang sederhana.

Mengenai tahap keagamaan berkaitan akhlak juga menunjukkan tahap yang tinggi di mana sebanyak 53 peratus (80) responden menyatakan sedemikian. Manakala selebihnya iaitu sebanyak 46 peratus (69) responden menyatakan tahap sederhana dan 0.7 peratus (1) responden menyatakan tahap yang rendah.

*Graf bar 1: Kekerapan dan Peratusan Responden Mengikut Tahap Kefahaman Agama Secara Keseluruhan dan Dimensinya*



Berdasarkan kajian dapatlah dibincangkan bahawa penghayatan keagamaan atau disebut sebagai religiosity ialah satu konsep yang menarik dan diwacanakan dalam dunia akademik sejak sekian lama. Tahap keagamaan masyarakat Melayu masih lagi berada pada tahap yang tinggi terhadap Islam dari pelbagai aspek. Justeru itu, dapatlah disimpulkan bahawa tahap keagaaman dalam masyarakat Melayu Islam di negara kita masih utuh lagi tanpa ada keraguan terhadap isi kandungannya baik dari aspek akidah, syariat dan akhlak majoriti masih mengamalkannya mengikut Al-Quran dan Sunnah.

## Kesimpulan

Islam merupakan agama yang mendominasi tanah Melayu pada masa kini. Berdasarkan kajian juga mendapati penghayatan keagamaan atau disebut sebagai religiosity ialah satu konsep yang menarik dan diwacanakan dalam dunia akademik sejak sekian lama. Dari itu, timbul persoalan sejauhmana tahap religiosity masyarakat dalam beragama khususnya masyarakat Islam. Pengukuran religiositi ke atas masyarakat di Negeri Kedah sebagai petunjuk aras yang kecil kepada tahap religiosity masyarakat Melayu Islam di Malaysia umumnya. Berdasarkan dapatan kajian menunjukkan tahap keagamaan masyarakat Islam di negeri Kedah majoritinya menyatakan tahap tinggi. Ini bermaksud masyarakat Islam di Kedah menghayati, mengamal dan melaksanakan agama secara menyeluruh dalam semua aspek kehidupan dengan segala dimensinya iaitu akidah, akhlak dan syariah. Dapatkan-dapatan ini memberi gambaran bahawa tahap religiosity masyarakat Islam di Negeri Kedah adalah tinggi dan masyarakat tidak lagi mengamalkan amalan-amalan yang bertentangan dengan prinsip-prinsip Islam.

## Rujukan

Al-Quran al-Karim

Abd. Halim Mat Diah (1989). *Pendidikan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.

Abdullah Ishak (1985). *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdul Rahim Abdul Rashid (1999). *Profesionalisme Motivasi Pengurusan Bilik Darjah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Abdul Razak Hj Osman (1988). *Sistem Pendidikan Islam Sekolah Rendah Malaysia*. Latihan Ilmiah, Universiti Malaya.

Ibn Manzur (1993). *Lisan al-Arab*. Beirut: Muassasah al-Tarikh al –Arabi Wa Dar al-Ihya al-Thurath al-Arabi. h 230-231.

Jabatan Agama Islam Kedah (JAIK) (2005). *Peraturan Pelaksanaan Sekolah Agama Rakyat/KAFA/Integrasi Negeri Kedah*.

Kementerian Pendidikan Malaysia (1995). *Buku Panduan Perkara Asas Fardhu Ain*. Kuala Lumpur Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Majalah AtTarbiah (2001). *Perkembangan dan Pencapaian Kelas KAFA Negeri Kedah*. Unit KAFA Bahagian Pendidikan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah.

Mohd Nur Manutu (1984). *Falsafah Pendidikan Islam: Satu Huraian Terhadap Idealisme dan Realiti Dalam Dasar Pelajaran Kebangsaan Masa Kini*. Jurnal Pendidikan Islam, 2(3), h 1-14.

Mohd Nur Manutu (1984). *Perkembangan Pendidikan di Malaysia: Beberapa Analisa Kritis Terhadap Pemikiran-Pemikiran Asas dalam Perspektif Sejarah*. Jurnal Pendidikan Islam, Bil.2. Selangor: Angkatan Belia Islam Malaysia.

Mok Soon Sang. (2008). *Psikologi Pendidikan untuk Pengajaran dan Pembelajaran*. Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.

Mok Soon Sang. (1991). *Pedagogi 2: Strategi pengajaran dan pengajaran mikro*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Panduan Pelaksanaan Kurikulum Baru Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA). Kuala Lumpur: Unit Kurikulum, Cawangan PPPI, JPM. h 1

Shahabuddin Hashim, Rozihani Yaakub & Mohd Zohir Ahmad. (2007). *Strategi dan teknik mengajar berkesan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, Yusmini Md. Yusoff (2006). *Kaedah Mengajar dan Kemahiran Interpersonal Guru*. Selangor: PTS Akademia.  
Wahbah al-Zuhaili (1986). *Usul Fiqh al-Islami*. Damsyik: Dar al-Fikr.